



KETUA Program Lepasan Ijazah, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Dr. Ahamad Faosiy Ogunbado (duduk, tengah) semasa bergambar ramai bersama peserta-peserta 'Upskilling & Reskilling Programme : Islamic Leadership & Crisis Management' yang diadakan baru-baru ini di Bilik Latihan L1.3, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

22 peserta diketengahkan konsep kepimpinan Islam, menangani krisis perspektif Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang

Hayat menawarkan 'Upskilling & Reskilling Programme : Islamic Leadership & Crisis Management'.

Program tersebut diadakan

selama dua hari, iaitu pada Khamis dan Sabtu, 13 dan 15 Ogos 2020 lalu, yang diadakan di Bilik Latihan L1.3, UNISSA, disampaikan oleh Ketua Program Lepasan Ijazah, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Dr. Ahamad Faosiy Ogunbado.

Seramai 22 peserta yang terdiri daripada para pegawai dan

kakitangan kementerian, pelajar dan orang-orang persendirian menyertai program ini.

Antara tujuan program tersebut diadakan ialah untuk mendedahkan para peserta program tentang konsep kepimpinan Islam dan kaedah untuk menangani dan menguruskan krisis menurut

perspektif Islam.

Antara inti pati program berkenaan ialah pengenalan kepada konsep kepimpinan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta contoh-contoh bagaimana Baginda menangani masalah-masalah yang berlaku pada zaman pemerintahan Baginda.

Bersih Solutions bantu tingkat tahap kualiti kebersihan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Mohd. Khairul Hazmi Haji Munir



PEKERJA-pekerja Bersih Solutions terdiri daripada anak muda tempatan serta bersiap sedia untuk membantu dalam kerja-kerja pembersihan dalam mahupun luar rumah awda (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Ogos. - Dalam usaha memupuk kesedaran khususnya dalam mengutamakan penjagaan kebersihan apatah lagi situasi ketika ini, di mana kebersihan itu amat dituntut sekali dalam sama-sama membendung penularan wabak COVID-19, justeru, beberapa buah agensi menawarkan pelbagai jenis dan perkhidmatan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan.

Memang tidak dinafikan akibat kerja yang banyak, letih dan sebagainya sehingga membataskan kita untuk membuat kerja-kerja pembersihan terutama di rumah.

Sehubungan itu, Bersih Solutions ditubuhkan pada bulan Mei tahun ini bagi memudahkan dan menjimatkan masa penduduk tempatan kerana kebanyakannya pekerja-pekerja terdiri daripada anak muda tempatan serta bersiap sedia untuk membantu dalam kerja-kerja pembersihan dalam mahupun luar rumah awda.

Salah seorang pengasasnya, Awang Mohd. Khairul Hazmi bin Haji Munir semasa ditemui menyatakan timbulnya idea sehingga wujudnya Bersih Solutions ketika dunia, termasuk negara kita dilanda pandemik COVID-19 yang menekankan kita untuk mementingkan penjagaan



kebersihan.

Dari itu, Bersih Solutions pun ditubuhkan sebagai salah satu ejen yang berusaha membantu masyarakat tempatan untuk membersihkan rumah - rumah kediaman, pejabat, sekolah, kedai dan bangunan - bangunan komersial.

Awang Mohd. Khairul Hazmi seterusnya berkata bahawa kira-kira 20 Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) juga aktif bekerja di agensi Bersih Solutions, di mana Alumni PKBN ini sudah didedahkan dengan nilai jati diri, disiplin dan ketahanan mental yang mencabar malah

mereka juga sudah dilatih tentang Latihan Healthy and Safety, kursus asas pertolongan cemas, Latihan Life Saver dan sebagainya.

Selain itu, beliau juga menambah bahawa belia yang berkeinginan untuk mengikuti agensi ini adalah dialu-alukan kerana ia juga memberikan peluang kepada golongan belia muda untuk menimba lebih banyak

pengalaman, khususnya dalam usaha mereka untuk meneroka alam pekerjaan yang sebenar.

Beliau dan dua pengasas yang lain, iaitu Awang Mohd. Khairul Hazwan bin Haji Munir dan Awang Ahmad Fitri bin

Haji Ahmad Bi mengutamakan penyertaan daripada anak muda tempatan sepenuhnya yang penuh komited.

Bersih Solutions menyediakan khidmat membersihkan, sanitasi dan disinfeksi rumah, pejabat, kedai dan bangunan - bangunan komersial secara berkontrak dan one off cleaning service dengan menawarkan harga yang berpatutan serta jaminan kepuasan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

Bahan pembersihan yang digunakan pula adalah bahan kimia khusus untuk setiap fungsi membersihkan yang berbeza, mempunyai ISO dan selamat untuk digunakan.

Mereka berharap dengan adanya agensi Bersih Solutions ini akan dapat membuka ruang pekerjaan bagi golongan muda kita serta mengubah persepsi sebahagian masyarakat yang memandang serong terhadap pekerjaan sebagai pembersih dan cuba untuk menaikkan taraf profesion kerjaya tersebut.

Bersih Solutions juga berharap dengan cara seumpama ini akan dapat sedikit sebanyak membantu mereka untuk sama - sama menjana ekonomi serta mendukung Wawasan Brunei 2035 dalam mengatasi isu pengangguran, khususnya pada masa yang akan datang.